

Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Diploma Teknologi Digital (DDT).

Syahieda Zakaria^{1*}, Zarina Musa¹

¹Department of Information and Communication Technology, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, 23000 Dungun, Terengganu.

*Corresponding author E-mail: syahieda@psmza.edu.my

Abstrak

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Diploma Teknologi Digital (DDT), di Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin berdasarkan elemen-elemen penting yang dikaji iaitu untuk mengenalpasti tahap sikap, tahap minat dan ciri-ciri keusahawanan terhadap kerjaya keusahawanan. Responden kajian ini terdiri daripada 90 orang pelajar Diploma Teknologi Digital (DDT). Kaedah soal selidik telah dipilih sebagai instrumen kajian ini dengan menggunakan Skala Likert. Data soal selidik dianalisis menggunakan perisian Statistical Packages for *Social Sciences* (SPSS). Dapatan kajian menunjukkan pelajar berminat menjadi usahawan dan bersikap positif kepada kerjaya keusahawanan. Akhir sekali, beberapa cadangan disarankan oleh penyelidik kepada pelajar dan politeknik dalam menambahbaik dalam menerapkan aspirasi kerjaya keusahawanan.

Kata Kunci: keusahawanan; kerjaya; pelajar politeknik; pendidikan perniagaan dan keusahawanan

1.0 PENGENALAN

Pada Februari 2010, Menteri Pengajian Tinggi telah melancarkan Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dengan tujuan menggalakkan dan memantapkan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik di kalangan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan. Matlamat utama dasar ini ialah untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan dan melahirkan lebih ramai lagi usahawan siswazah yang akan bertindak sebagai pemangkin kepada transformasi ekonomi negara kepada ekonomi berpendapatan tinggi dan berpaksikan inovasi ke arah pencapaian status negara maju menjelang 2020 (Kementerian Pengajian Tinggi 2010). Ini kerana bidang keusahawanan mempunyai keistimewaan tersendiri dalam menyumbang terhadap kemajuan sesebuah negara dari aspek ekonomi dan juga sosial.

Pada hari ini keusahawanan secara umumnya telah diterima sebagai bidang yang memberi sumbangan yang positif dan produktif dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara di samping membantu mengurangkan pengangguran. Negara yang mempunyai ramai usahawan adalah lebih maju ke hadapan dalam perkembangan ekonominya (Kuratko 2004). Ini adalah kerana bidang keusahawanan memainkan peranan penting dalam mewujudkan

perniagaan-perniagaan baru dan juga bertanggungjawab dalam membawa pembaharuan kepada perniagaan yang sedia ada.

Bidang keusahawanan hanya menjadi popular di Malaysia setelah penggubalan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) yang dilancarkan pada 23 Januari 1971. Dasar Ekonomi Baru (DEB), 1971-1990, Dasar Pembangunan Nasional (DPN), 1991-2000 dan Dasar Wawasan Negara (DWN), 2001-2010 telah menekankan pentingnya pembangunan keusahawanan untuk mencapai matlamat pembangunan negara. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005), salah satu daripada cabaran Wawasan 2020 yang digariskan ialah membina sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang berdaya maju dan berdaya saing. Selain itu, dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, kerajaan telah memberi penekanan tentang kepentingan peranan institusi pendidikan tinggi dalam pembangunan keusahawanan dan pembangunan sumber manusia umumnya bagi mencapai dasar pembangunan negara. Penekanan mengenai pembangunan keusahawanan dan pembangunan sumber manusia terus diberi perhatian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK 9) melalui pembangunan modal insan. Salah satu fokus dalam pembangunan modal insan ini merangkumi pengetahuan dan kemahiran atau modal intelek yang mana termasuklah keupayaan keusahawanan melalui pendidikan dan latihan.

Program pendidikan dan latihan keusahawanan seperti penawaran kursus dan program keusahawanan oleh institusi pendidikan adalah penting dalam melahirkan pelajar yang memenuhi keperluan dan cita rasa pasaran kerja masa kini (Mohd Salleh, 2002). Kajian oleh Wan Ahmad (2003), mendapati terdapat tiga sebab utama yang menjadi pendorong seseorang individu untuk menceburi dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Salah satu sebabnya mereka melakukan pekerjaan ini kerana minat di samping memiliki kemahiran vokasional yang diperolehi dari pusat-pusat latihan. Oleh itu, individu itu perlu mempunyai minat yang mendalam sesuatu bidang yang akan mereka ceburi. Dengan meminati sesuatu bidang itu, seharusnya seseorang individu itu mempunyai aspirasi atau kehendak mengenai sesuatu dalam memenuhi minat mereka. Untuk menjadi seorang usahawan, seseorang individu itu perlu menyedari ciri-ciri sebagai usahawan yang efektif dan efisien sebelum menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan. Usahawan muncul bukan kerana memiliki ciri-ciri personaliti semula jadi atau dilahirkan, tetapi juga kerana pelbagai faktor yang lain. Menurut (Krueger 2000), kerjaya keusahawanan dipengaruhi oleh latar belakang keluarga, latar belakang demografi, pendidikan, pengalaman bekerja dan status pekerjaan serta faktor-faktor motivasi juga dipercayai mendorong pemilihan individu terhadap kerjaya keusahawanan.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Berdasarkan kepada Kajian Pengesanan Graduan yang dibuat oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada tahun 2009, didapati bahawa terdapat 8898 orang iaitu 36.0 peratus graduan lepasan Politeknik yang masih menganggur. Apa yang membimbangkan ialah jumlah pengangguran di kalangan graduan politeknik yang dijangkakan akan bertambah

selepas pertengahan tahun 2010 apabila pelajar politeknik menamatkan pengajian mereka. Masalah pengangguran di kalangan pelajar lepasan politeknik bukan lagi merupakan masalah kecil kepada masyarakat, malah ia telah dipandang serius oleh masyarakat.

Antara punca masalah ini juga adalah sikap graduan itu sendiri yang tidak proaktif dalam mencipta kerjaya. Mereka terlalu mengharapkan untuk bekerja dengan pihak lain sama ada sebagai pekerja sesebuah organisasi swasta mahupun sebagai kakitangan awam di jabatan-jabatan kerajaan. Pengangguran di kalangan graduan juga berlaku disebabkan oleh sikap graduan itu sendiri yang hanya mengejar jawatan tertentu, khususnya di jabatan kerajaan (Berita Harlan, 2005).

Apa yang menjadi masalah kini ialah kerjaya dalam bidang keusahawanan masih belum menjadi pilihan dan kurang mendapat sambutan dari graduan. Sumber: Sistem Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pengajian Tinggi 2009, Perangkaan Pengajian Tinggi Malaysia 2009, Taraf Pekerjaan Pelajar Politeknik, Graduan, 2009). Keadaan inilah yang menyumbang kepada peningkatan pengangguran atas sebab tiada kesanggupan graduan Politeknik untuk menceburi bidang keusahawanan walaupun graduan Politeknik gagal mendapat pekerjaan setelah menamatkan pengajian mereka. Tambahan pula jumlah penglibatan pelajar politeknik dalam bidang keusahawanan adalah amat rendah. Menyedari betapa pentingnya kerjaya keusahawanan dalam kemajuan negara, kajian yang akan dijalankan ini adalah bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan aspirasi kerjaya keusahawanan di kalangan pelajar Diploma Teknologi Digital di Politeknik.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini adalah untuk menjawab objektif-objektif kajian seperti berikut:

- a. Mengenal pasti tahap sikap pelajar program Diploma Teknologi Digital dalam bidang keusahawanan.
- b. Mengenal pasti tahap minat pelajar program Diploma Teknologi Digital dalam bidang keusahawanan.
- c. Mengenal pasti ciri-ciri keusahawanan pelajar program Diploma Teknologi Digital dalam bidang keusahawanan.

4.0 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini adalah untuk menjawab persoalan-persoalan kajian seperti berikut:

- a. Sejauh manakah tahap sikap pelajar program Diploma Teknologi Digital di dalam bidang keusahawanan?
- b. Sejauh manakah tahap minat pelajar program Diploma Teknologi Digital terhadap kerjaya keusahawanan?
- c. Sejauh manakah ciri-ciri keusahawanan pelajar program Diploma Teknologi Digital terhadap kerjaya keusahawanan?

5.0 KAJIAN LITERATUR

Usahawan ialah individu yang bukan sahaja mencipta kekayaan tetapi turut mendorong pembahagian kekayaan yang dimiliki, seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT, 2007). Usahawan juga adalah individu yang bersedia untuk mengadunkan kreativiti, inovasi, mengambil risiko, kesungguhan untuk bekerja bagi membentuk dan membangunkan perniagaan, memaksimumkan potensi diri dan memanfaatkan peluang yang diperoleh (Nor Aishah Buang, 2002). Istilah usahawan berasal daripada bahasa Perancis, iaitu *entreprende* yang membawa maksud memikul (tugas) atau mencuba. Scarborough dan Zimmerer (1998 dalam KPT, 2007) mendefinisikan usahawan sebagai orang yang mencipta keadaan yang tidak menentu untuk memperoleh keuntungan dan pertumbuhan dengan mengenal pasti serta merebut peluang melalui penyediaan sumber dengan idea yang mudah dan menyediakan sumber yang perlu untuk melaksanakan idea tersebut melalui perniagaan yang sesuai.

Secara umumnya, keusahawanan ialah suatu proses dinamik untuk mencipta kekayaan. Kekayaan dicipta oleh individu yang menanggung risiko dalam bentuk modal, masa dan komitmen kerjaya. Keusahawanan ialah proses mencipta sesuatu yang baharu dengan mengambil kira masa, usaha, risiko kewangan, psikologi dan sosial serta menerima manfaat dari segi kewangan, kepuasan peribadi dan kebebasan (Hisrich & Peter, 1998 dlm KPT, 2007). Keusahawanan merupakan simbol kepada kelangsungan dan pencapaian perniagaan. Sikap kelangsungan untuk merealisasikan idea bergabung dalam satu perspektif yang tersendiri membentuk individu yang mempunyai minda keusahawanan. Keusahawanan merangkumi sikap, kemahiran dan pengetahuan.

Kerjaya dalam bidang keusahawanan semakin berkembang sebagaimana kerjaya yang lain dan dilihat semakin menjadi pilihan kepada golongan muda. Bidang ini dilihat menawarkan sesuatu yang penting bukan sahaja kepada individu malah masyarakat dan negara (Herderson dan Robertson 2000; Mohd Salleh et al. 2005). Kerjaya keusahawanan dirujuk satu bentuk kerjaya dalam bidang keusahawanan yang memberi peluang kepada individu untuk mencipta dan mengeksploitasi produk atau perkhidmatan baru yang berguna serta bernilai kepada masyarakat yang mampu meningkatkan kesejahteraan hidup (Abdul Aziz 1998). Bidang ini melibatkan pelbagai aktiviti seperti penemuan, penilaian dan eksploitasi peluang bagi memperkenalkan produk dan perkhidmatan baru, cara pengurusan, pemasaran, proses bahan mentah menerusi usaha yang tidak wujud sebelum ini (Baron dan Shane 2005). Sepanjang pelaksanaan pelbagai aktiviti tersebut, secara tidak sedar proses keusahawanan turut berlaku yang turut merangkumi proses mewujudkan satu usaha teroka yang melibatkan individu, kumpulan dan juga masyarakat (Baron dan Shane 2005; Hisrich et. al. 2008). Untuk memahami lebih lanjut tentang kerjaya keusahawanan, adalah penting definisi usahawan dan konsep keusahawanan diperjelaskan kerana kedua-duanya berkait rapat dengan individu

Kerjaya dalam bidang keusahawanan semakin berkembang seiring dengan kerjaya dalam bidang yang lain. Kespesatan perkembangannya adalah disebabkan perubahan struktur

ekonomi dunia yang telah memasuki era globalisasi dan liberalisasi. Sumbangan bidang keusahawanan yang besar terhadap pertumbuhan ekonomi negara menyebabkan kebanyakan negara berusaha dan berminat meningkatkan perkembangan bidang ini bagi menggalakkan pertumbuhan PKS supaya pertumbuhan ekonomi negara dapat terus dipertingkatkan (Hisrich et al. 2008). Perkembangan pesat dalam bidang keusahawanan telah menarik minat ramai orang terutamanya golongan muda dalam menceburi satu kerjaya pilihan. Perubahan struktur pekerjaan dalam pasaran kerja juga turut meningkatkan bilangan individu untuk membina kerjaya dalam bidang keusahawanan. Pertambahan bilangan individu menceburi bidang keusahawanan adalah disebabkan bidang ini mempunyai masa depan yang cerah di samping mempunyai keistimewaan yang tersendiri

6.0 METODOLOGI KAJIAN

6.1 Pengenalan

Kaedah kajian atau metodologi merupakan aspek penting dalam memastikan matlamat kajian dicapai. Metodologi kajian berperanan memberi tumpuan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan reka bentuk kajian, populasi dan pensampelan, instrumen kajian, kaedah analisis data, pemboleh ubah kajian, andaian kajian dan kesimpulan.

6.2 Reka bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah bertujuan untuk mencari jawapan bagi setiap persoalan-persoalan kajian dalam penyelidikan (Yusof, 2003). Melalui reka bentuk kajian, pengkaji akan dipandu ke arah mendapatkan maklumat dan data berhubung dengan tujuan kajian yang akan dijalankan.

Dalam kajian ini, pengkaji menjalankan kajian berbentuk kuantitatif iaitu reka bentuk kajian yang menggunakan instrumen senarai semak dan soal selidik bagi tujuan pengumpulan data daripada responden iaitu pelajar program Diploma Teknologi Digital. Pengkaji memilih reka bentuk kajian ini kerana reka bentuk ini sesuai dengan kajian yang dilaksanakan.

Menurut Nachmias & Nachmias (2000), teknik soal selidik adalah lebih praktikal dan memudahkan proses analisis. Teknik soal selidik juga mengukur ciri-ciri atau pemboleh ubah yang hendak diukur daripada saiz sampel. Tegas Nachmias & Nachmias (2000) lagi, teknik soal selidik lebih digemari oleh responden kerana memberi masa yang panjang di mana responden tidak perlu tergesa-gesa dalam menjawab soalan yang dikemukakan. Responden juga akan merasa lebih bebas untuk memberikan jawapan, penilaian dan pendapat berdasarkan kehendak soalan di dalam borang soal selidik.

6.3 Populasi Dan Sampel Kajian

Pengumpulan data dibuat melalui kaedah sampel rawak mudah. Berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970), pengkaji telah menetapkan jumlah sampel berdasarkan jumlah populasi yang diperoleh seramai 120. Secara kesimpulannya, sampel kajian terdiri daripada 90 orang pelajar yang diambil berdasarkan saiz populasi.

6.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian atau alat ukur kajian adalah penting bagi mencapai objektif sesuatu kajian (Konting, 2004). Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah menggunakan soal kaji selidik. Menurut Konting (2004), penggunaan soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan oleh sampel kerana ia tidak dipengaruhi oleh gerak laku pengkaji. Di samping itu, ia dapat menjimatkan masa seseorang responden itu untuk memberikan maklum balas kepada setiap soalan di dalam borang soal selidik.

Terdapat dua bahagian dalam soal selidik ini iaitu bahagian A mengandungi maklumat responden dan bahagian B mengandungi item untuk persoalan kajian yang dibina. Bahagian B terdiri dari aspek yang hendak diukur iaitu sikap pelajar, minat pelajar dan ciri-ciri pelajar terhadap keusahawanan.

Jadual 1 : Taburan Kandungan Soal Selidik

Bahagian	Perkara	Kaedah Analisis
Bahagian A	Demografi Responden	Peratus dan kekerapan
Bahagian B1	Tahap sikap pelajar program Diploma Teknologi Digital dalam bidang keusahawanan.	Min
Bahagian B2	Tahap minat pelajar program Diploma Teknologi Digital dalam menceburi bidang keusahawanan.	Min
Bahagian B3	Ciri- ciri usahawan pelajar program Diploma Teknologi Digital dalam bidang keusahawanan	Min

Dalam kajian yang dijalankan ini, kaedah skala Likert digunakan di mana responden memilih jawapan daripada satu pilihan. Skala Likert yang digunakan terdiri daripada lima peringkat iaitu 1 (sangat tidak setuju), 2 (tidak setuju), 3 (kurang setuju), 4 (setuju) dan 5 (sangat setuju).

6.5 Kajian Rintis

Berdasarkan kenyataan Mohd Najid (2003) di dalam bukunya yang berjudul Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan, kajian rintis merupakan satu percubaan awal terhadap teknik dan prosedur kajian sebenar untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Kajian ini disokong oleh Reduan (2004). Sementara itu, Cooper dan Schindler (1998) pula berpendapat kajian rintis bukan sahaja satu praktis yang baik untuk memperbaiki sebarang kesalahan (jika ada), tetapi juga berguna untuk melatih pengkaji mengendalikan kajian sebenar.

Kesahan dan kebolehpercayaan borang soal selidik ini akan menggunakan kaedah *Alpha'Cronbach*. Jika nilai α menghampiri 1, ini bermakna kebolehpercayaan adalah tinggi. Manakala nilai yang berada di antara 0.6 hingga 0.7 adalah boleh diterima dan sekiranya nilai melebihi 0.8 ianya sangat baik. Oleh itu, item-item dalam borang soal selidik akan diubahsuai sehingga menepati nilai kebolehpercayaan diperoleh. Analisis *Alpha'Cronbach* telah dijalankan menggunakan perisian *SPSS version 11.5 for Windows*. Berdasarkan analisis tersebut, hanya skor pada aras 0.6 ke atas sahaja yang diterima bagi menentukan kebolehpercayaan instrumen. Pengkaji telah melaksanakan analisis *Alpha'Cronbach* persoalan kajian bagi memastikan ketekalan setiap item yang telah dinyatakan di dalam borang.

6.6 Kaedah Analisis Data

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan ujian statistik deskriptif melibatkan skor min, peratusan dan kekerapan. Data-data yang diperoleh akan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Packages For Social Science*). Perisian ini digunakan kerana ia mudah dan menjimatkan masa. Kemahiran memindahkan data ke dalam perisian ini telah dilakukan dengan betul dan berhati-hati supaya kesilapan tidak dilakukan bagi mendapatkan nilai data yang tepat. Pada bahagian A dalam kajian ini, pengkaji menganalisis demografi responden menggunakan peratusan. Ini adalah untuk melihat jumlah bilangan responden yang menjawab item-item soal selidik.

Pada bahagian B, bagi menjawab persoalan kajian dan data akan dianalisis untuk mendapatkan skor min. Jadual 2 di bawah menunjukkan kategori skor min yang akan digunakan untuk menganalisis data bagi kajian ini.

Jadual 2: Skor Min

Julat min	Ukuran Tahap Penguasaan
>3.5	Tinggi
>2.5 ≤3.5	Sederhana
≤2.5	Rendah

Seterusnya, bagi merumuskan jawapan responden pengkaji telah menyimpulkan jawapan responden sama ada tidak setuju, tidak pasti atau setuju mengikut tahap kecenderungan terendah, sederhana dan tinggi. Azwa Abdul Jalil (2006) dalam kajiannya, telah mengolah Jadual Tafsiran Min dengan memanipulasi item Skala Likert mengikut kecenderungan rendah, sederhana dan tinggi. Jadual 3 di bawah merupakan Jadual Tafsiran Kecenderungan yang diguna pakai bagi merumuskan dapatan kajian hasil adaptasi dari Azwa Abdul Jalil (2006).

Jadual 3: Skor tahap kecenderungan

Skor min	Ringkasan Tafsiran	Tahap Kecenderungan
1.00 – 1.40		
1.50 - 2.40	Tidak Setuju (TS)	Rendah
2.50 – 3.40	Tidak Pasti(PS)	Sederhana
3.50 – 4.40		
4.50 – 5.00	Setuju (S)	Tinggi

7.0 DAPATAN KAJIAN

7.1 Taburan dan Latar Belakang Responden

Bahagian ini adalah bertujuan untuk mengetahui sedikit tentang taburan dan latar belakang responden. Demografi responden tersebut dianalisis menggunakan kekerapan dan peratusan.

Jadual 4: Analisis Demografi Jantina Responden

Item	Bilangan Responden	Peratus kekerapan (%)
Lelaki	60	67
Perempuan	30	33

Jadual 5: Analisis Demografi Bangsa Responden

Item	Bilangan Responden	Peratus kekerapan(%)
Melayu	84	93
India	6	7

Jadual 6: Analisis Demografi Pekerjaan Penjaga_Responden

Item	Bilangan Responden	Peratus kekerapan (%)
Bekerja di sektor awam	24	26.7
Bekerja di syarikat swasta	15	16.7
Pesara	16	17.8
Bekerja sendiri	30	33.3
Lain-lain	5	5.6

Jadual 7: Analisis Demografi Latar belakang Pendidikan Responden

Item	Bilangan Responden	Peratus kekerapan (%)
Sekolah Menengah Akademik	65	72.2
Sekolah Aliran Teknik/Vokasional	17	18.9
Lain-lain	8	8.9

Jadual 8: Analisis Demografi Jurusan di Politeknik Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Responden

Item	Bilangan Responden	Peratus kekerapan (%)
Tiada pengaruh	8	8.9
Terdapat sedikit pengaruh	26	28.9
Sedikit pengaruh	27	30
Banyak pengaruh	23	25.6
Sangat besar pengaruh	6	6.7

Jadual 9: Analisis Demografi Ibubapa Responden Seorang Peniaga/Usahawan

Item	Bilangan Responden	Peratus kekerapan (%)
Ya	18	20
Tidak	72	80

Jadual 10: Analisis Demografi Penglibatan Ibu Bapa Menyumbang Aspirasi Kerjaya Keusahawanan

Item	Bilangan Responden	Peratus kekerapan (%)
Tiada sumbangan	28	31.1
Terdapat sumbangan	16	17.8
Sedikit sumbangan	27	30
Banyak sumbangan	13	14.4
Sangat besar sumbangan	6	6.7

Merujuk kepada Jadual 4, bilangan responden perempuan melebihi bilangan responden lelaki. Seramai 60 orang responden iaitu 67% adalah pelajar perempuan manakala selebihnya 33% iaitu 30 orang merupakan pelajar lelaki. Dari segi taburan responden mengikut bangsa didapati, majoritinya iaitu 84 orang ialah Melayu dan 6 adalah India. Kajian ini melibatkan responden yang mengikuti program pengajian Diploma Teknologi Digital di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun, Terengganu. Secara keseluruhannya, analisis dibuat berdasarkan hasil daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden. Pada peringkat awal ini, data demografi responden diperoleh daripada bahagian A borang soal selidik. Di dapati jumlah keseluruhan responden adalah seramai 90 yang terdiri daripada 30 orang pelajar lelaki dan 60 pelajar perempuan. Justeru, melalui dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat ketidakseimbangan yang ketara penglibatan pelajar lelaki dan perempuan yang mengikuti program ini. Namun demikian, perbezaan jantina dalam melahirkan aspirasi keusahawanan tidak mempunyai jurang yang ketara di mana kerajaan sendiri tidak pernah membezakan kelayakan pelajar mengikut jantina dalam menyertai program keusahawanan seperti Skim Usahawan Muda. Program-program yang dirancang adalah bebas untuk mana-mana golongan jantina untuk menyertainya. Kerajaan melaksanakan program ini untuk menggalakkan siswazah menceburi bidang keusahawanan. Ini membuktikan kemampuan lelaki dan perempuan adalah sama dalam memperoleh ilmu dalam menceburi bidang keusahawanan. Kebanyakan responden yang mengikuti pengajian ini adalah kaum Melayu seramai 84 dan 6 orang pelajar berbangsa India melanjutkan pengajian mereka di politeknik ini.

Manakala taburan kekerapan dan peratusan pelajar mengikut pekerjaan bapa atau penjaga. Di dapati bahawa bekerja di syarikat awam mencatatkan jumlah yang tertinggi seramai 24 orang iaitu sebanyak 26.7 peratus dan diikuti bekerja dengan sektor swasta seramai 15 orang iaitu sebanyak 16.7 peratus. Selain itu, bilangan pekerjaan bapa/penjaga yang telah bersara seramai 16 orang mewakili 17.8 peratus dan didapati bahawa bapa/penjaga yang bekerja sendiri mencatatkan jumlah seramai 30 orang iaitu sebanyak 33.3 peratus dan yang paling rendah pekerjaan bapa/penjaga bagi kategori kerja lain-lain seramai 5 orang iaitu 5.6 peratus.

Taburan kekerapan dan peratusan pelajar mengikut latar belakang pendidikan adalah didapati bahawa pelajar Sekolah Menengah Akademik yang tertinggi seramai 65 orang iaitu

sebanyak 72.2 peratus dan diikuti pelajar Sekolah Aliran Teknik/Vokasional seramai 17 orang iaitu sebanyak 18.9 peratus. Manakala bagi sekolah aliran lain-lain mewakili 8 orang iaitu sebanyak 8.9 peratus.

Melihat dapatan kajian mengenai kursus keusahawanan yang pernah dihadiri, hampir keseluruhan pernah menghadiri kursus keusahawanan. Ini menunjukkan bahawa mereka berminat untuk menjadi usahawan. Dapatan kajian bahagian demografi ini disokong oleh Zafir (2003) ciri-ciri peribadi individu seperti umur, jantina, latar belakang pendidikan dan keluarga serta masyarakat menjadi salah satu pemboleh ubah penting bagi mempengaruhi penglibatan masyarakat dalam bidang keusahawanan.

Jadual 11: Tahap sikap pelajar untuk menjadi usahawan

B1	Sikap Pelajar	Skala/Min
1.	Saya sentiasa mengambil tahu hal-hal usahawan.	3.522
2.	Saya yakin keusahawanan menjadikan saya berani membuat keputusan perniagaan.	3.744
3.	Saya yakin keusahawanan mendapat membantu saya berdikari.	3.911
4.	Saya perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan keusahawanan	3.967
5.	Saya perlu menjadi pakar dalam aktiviti yang diceburi.	4.044
Skor Min Keseluruhan.		3.8376

Berdasarkan kepada Jadual 5, didapati kesemua item dalam tahap sikap mempunyai nilai min di tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tahap sikap yang tinggi untuk mempengaruhi pelajar cenderung terhadap bidang keusahawanan

Jadual 12: Tahap minat pelajar untuk menjadi usahawan

B2	Minat Pelajar	Skala
6.	Saya bercita-cita untuk menjadi usahawan.	3.444
7.	Keluarga dan kawan banyak memberi dorongan kepada saya untuk menjadi usahawan.	3.322
8.	Saya banyak melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan semasa menuntut di politeknik	3.067
9.	Saya banyak mengumpul bahan-bahan bacaan berkaitan keusahawanan.	2.811

10	Saya suka menonton program-program televisyen yang berunsur keusahawanan.	3.222
Skor Min Keseluruhan.		3.1732

Berdasarkan Jadual 6, didapati bahawa tahap minat pelajar Diploma Teknologi Digital di politeknik terhadap kerjaya keusahawanan pada tahap sederhana iaitu dengan nilai skor min sebanyak 3.1732.

Jadual 13: Ciri - ciri pelajar untuk menjadi usahawan

B3	Ciri-ciri keusahawanan	Skala
11.	Saya dari keluarga latar belakang keluarga usahawan.	2.656
12.	Saya mendapat pendedahan awal di sekolah dalam asas keusahawanan.	3.144
13.	Saya sentiasa berfikiran positif dalam menghadapi apa jua keadaan.	3.700
14.	Saya tidak takut menghadapi risiko kegagalan atau kerugian dalam menceburi bidang keusahawanan.	3.533
15.	Saya mempunyai sikap bertanggungjawab dan ciri-ciri kepimpinan.	3.800
Skor Min Keseluruhan		3.366

Berdasarkan Jadual 7, nilai skor min keseluruhan bagi ciri-ciri keusahawanan pelajar Diploma Teknologi Digital di politeknik terhadap kerjaya keusahawanan pada tahap sederhana iaitu dengan nilai skor min sebanyak 3.366.

8.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Hasil dari kajian deskriptif mendapati secara keseluruhannya, item di bawah profil sikap pelajar Diploma Teknologi Digital terhadap kerjaya keusahawanan menunjukkan nilai min yang tinggi. Dalam konteks ini, dapatan menunjukkan kebanyakan nilai min yang tinggi bagi setiap item soal selidik di bawah sikap terhadap kerjaya keusahawanan. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa sikap terhadap kerjaya keusahawanan mampu menjadi pendorong untuk memilih kerjaya keusahawanan. Manakala dari segi minat terhadap kerjaya keusahawanan mendapati bahawa pelajar program Diploma Teknologi Digital mempunyai minat keusahawanan pada tahap yang sederhana kuat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju dengan item nombor 6 mendapat nilai persetujuan yang tinggi.

Kesimpulan dari dapatan kajian menunjukkan kategori minat terhadap kerjaya keusahawanan. Responden dari pelajar Diploma Teknologi Digital menunjukkan minat yang sederhana terhadap kerjaya keusahawanan ini. Ini mungkin disebabkan oleh kecenderungan pelajar yang suka melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan, perniagaan atau apa jua bentuk aktiviti yang berorientasikan kepada bidang tersebut.

Akhir sekali, dapatan kajian mengenai ciri-ciri keusahawanan didapati majoriti responden berpendapat bahawa mereka bercadang untuk menceburi bidang keusahawanan. Secara keseluruhannya, ciri-ciri keusahawanan di kalangan pelajar program Diploma Teknologi Digital berada dalam tahap sederhana berdasarkan nilai min keseluruhan yang diperoleh oleh pengkaji. Dapatan kajian menunjukkan min bagi item-item keusahawanan menyeluruh ialah 3.366. Dapatan ini menunjukkan pelajar secara puratanya mempunyai ciri-ciri keusahawanan pada tahap sederhana. Kajian ini menyokong dapatan kajian oleh Sharifah Kamaliah (1996), Chek (2002), dan Muhammad (2002) yang menunjukkan ciri-ciri keusahawanan berada pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan secara keseluruhannya responden mempercayai bahawa mereka dapat mengawal apa yang berlaku ke atas diri mereka. Dengan kata lain, segala keupayaan dan kegagalan bergantung pada diri mereka sendiri. Di samping itu, responden juga mempunyai keupayaan untuk mendorong diri sendiri supaya melakukan tugas dan mengerjakan hingga selesai (Latifah, 2003).

9.0 CADANGAN

Setelah hasil kajian dianalisis, dibincangkan dan dibuat kesimpulan, penyelidik ingin mengemukakan beberapa cadangan yang mungkin boleh membantu pihak-pihak yang tertentu dalam menambahkan lagi pendidikan keusahawanan dan kecenderungan pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan. Cadangan dibahagikan kepada :

9.1 Cadangan kepada Politeknik

- (i) Pengkaji mencadangkan pihak politeknik membantu pelajar program Diploma Teknologi Digital untuk menubuhkan perniagaan serta mendapatkan bantuan kewangan semasa mereka berada di semester akhir pengajian.
- (ii) Mewujudkan satu kerjasama dengan pihak industri bagi memberi pengalaman dalam usaha menerapkan nilai-nilai keusahawanan dalam kalangan pelajar.
- (iii) Mengadakan lawatan ke industri dan syarikat-syarikat yang dimiliki oleh bekas-bekas pelajar politeknik bagi memberi inspirasi kepada pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan secara serius.

9.2 Cadangan kepada pelajar

- (i) Menyertai bengkel-bengkel motivasi dan bengkel yang boleh meningkatkan kemahiran keusahawanan sama ada di anjurkan oleh politeknik atau pihak luar.

- (ii) Pelajar harus sedar tentang faedah dan kepentingan serta sumbangan yang diberikan oleh bidang keusahawanan kepada mereka agar pelajar sentiasa memperbaiki kelemahan diri semasa ke semasa untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya.

9.3 Cadangan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi

- (i) Kementerian Pendidikan Tinggi disaran supaya membuat pelaksanaan dan penawaran program pendidikan keusahawanan samada formal atau kokurikulum dengan secara lebih terancang.
- (ii) Penyusunan semula kursus dan latihan keusahawanan sediaada perlu dilaksanakan secara berterusan. Langkah ini adalah untuk menyesuaikan dengan keperluan untuk melahirkan modal insan yang benar-benar berkemampuan untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya.
- (iii) Penambahbaikan modul latihan keusahawanan untuk pelajar supaya latihan yang diikuti mampu mendorong mereka menceburi bidang keusahawanan.

10. RUJUKAN

- Ab Aziz, Y. (2003). *Prinsip Keusahawanan*. Petaling Jaya, Selangor: Prentice Hall.
- Ab. Aziz bin Yusof (2003). “*Usahawan dan Keusahawanan: Satu Penilaian*.” Sintok, Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Azhar Harun dan Nawi Abdullah (2004). “*Metodologi Penyelidikan Ekonomi dan Sains Sosial*.” Singapura: Thomson Asia Pt. Ltd.
- Baron, R. A 2006. *Opportunity Recognition As Pattern Recognition: How Entrepreneurs “Connect The Dots” To Identify Business Opportunities*. Academic Management Perspectives. 20(1): 104-119.
- Borden, K.S dan Abbott, B.B. (2002). “*Research Design and Methods: A Process Approach*.” 10th Ed. New York: Mc Graw Hill. 63 – 64, 220.
- Hisrich, Robert D. dan Peters, Michael P (2005).” *Entrepreneurship*”. New York: Mcgraw-Hill.
- Kourilsky, M. 1995. *Entrepreneurship Education: Opportunity in Search Of Curriculum*. Business Education Forum. 50(10): 11-15.
- Malaysia, Jabatan Perangkaan (2003). *Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Mohd Salleh Din. 1992. *The Development of Entrepreneurship and Enterprise in Higher Education in Malaysia*: Tesis Phd. Universiti Utara Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). “*Rekabentuk Tinjauan: Soal Selidik Pendidikan*.”Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). “*Penyelidikan Pendidikan*”. Universiti Teknologi Malaysia: Cetak Ratu Sdn. Bhd.

Mohd Majid Konting (2004). “*Kedah Penyelidikan Pendidikan.*” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nor Aishah Buang. (2006). “*Draf Pendidikan Usahawan*”. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Richard Barret (2003), “*Vocational, Business Training Developing and Motivating People*”. Dewan Ekonomi. Jun 2001. M/S 36-38.